

## MEDIA STATEMENT

**For Immediate Release**

### **IDEAS Unveils New Report to Drive Inclusive Education Reform for Orang Asli Children**

**Kuala Lumpur, 23 April 2025:** The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), with support from Yayasan Sime Darby (YSD), has launched a new report from a pilot implementation project focusing on Inclusive Education for Orang Asli. This report offers fresh insights, amplifies Orang Asli voices, and proposes support for more culturally adapted solutions to address long-standing educational inequalities faced by Indigenous communities in Malaysia through three components.

#### **The components are:**

- Actors on the Ground: Mapping Orang Asli Education Stakeholders
- Voices from the Ground: Towards Strength-Based and Culturally Responsive Education for Orang Asli Children
- Lessons from the Ground: Orang Asli Education Programme Implementation Insights

“The launching of the report marks not just the conclusion of a significant research journey, but a renewed commitment to equity and inclusion, ensuring no child, especially from the Orang Asli communities, is left behind in education. A key insight from this collaboration is the urgent need to bridge the disconnect between policy intentions and on-the-ground implementation. It calls upon us—government, private sector, civil society—to collaborate closely, listen carefully, and act decisively,” said Y.A.M. Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja’afar, Chairman of YSD.

Key recommendations from the report includes reframing the educational narrative to centre on the strengths, culture, and values of Orang Asli children, ensuring that the community, especially parents, is actively involved in shaping and executing education policies. Additionally, the report stresses the importance of fostering long-term, collaborative partnerships among all stakeholders, including government, private sector, civil society, and the Orang Asli community, while addressing systemic barriers such as transportation, socioeconomic challenges, and access to essential services like clean water.

The Inclusive Education for Orang Asli project was carried out over five years since November 2020 and grounded in a deep, community first approach. It began with a comprehensive stakeholder needs assessment and evolved into pilot programmes designed to be implemented with the community. Implementers worked closely with key local figures including the *Tok Batin* (Orang Asli village head) and parents to ensure that each intervention was rooted in trust, cultural relevance, and shared ownership.

"This project reflects IDEAS' commitment to ensuring that inclusive education is not just a policy buzzword, but a lived experience for all children, including those from historically marginalised communities. By listening to and working alongside Orang Asli voices, we are taking a necessary step toward reimagining education that is equitable, locally grounded, and future-ready," said IDEAS CEO, Aira Azhari.

The research also utilised indigenous participatory research methods such as photovoice and sharing circles, to enable Orang Asli students and parents to express their perspectives. "In Malaysia, indigenous research methods are quite limited, and we hope to expand this more to ensure Orang Asli voices are included in the plans and interventions that affect them the most," said Dr Suria Angit, IDEAS senior fellow and lead researcher for the project.

"While *Actors on the Ground* acknowledges that education policy has pivoted towards more targeted interventions for Orang Asli children, *Voices on the Ground* found that more coordination and support is still needed at ground level to improve inclusion. This particularly takes place in the context of communication between educators and parents," added Dr Suria.

IDEAS hopes the insights from this publication will become a vital resource for policymakers, funders, educators, and grassroots organisations working to realise the promise of inclusive, equitable, and community-rooted education for all.

Please visit our website to download the reports. (Links Below)

- [Actors On The Ground](#)
- [Voices On The Ground](#)
- [Lessons On The Ground](#)

[ENDS]

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

[ryannesh@ideas.org.my](mailto:ryannesh@ideas.org.my)

#### About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,  
visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my)

### **About Yayasan Sime Darby (YSD)**

Yayasan Sime Darby or Sime Darby Foundation is the philanthropic arm of Sime Darby Berhad, SD Guthrie Berhad, and Sime Darby Property Berhad. Established in 1982, the foundation revolves around five pillars which are Education, Environment, Community & Health, Sports, and Arts & Culture. Led by an independent Governing Council, the foundation is managed by a dedicated team who works closely with the three (3) YSD donor companies in areas of mutual interest. Since its inception, the foundation has expanded its wings from offering scholarships to outstanding and deserving individuals to funding impactful conservation, outreach and development programmes. For more information, visit [www.yayasansimedarby.com](http://www.yayasansimedarby.com)

## KENYATAAN MEDIA

### ***Untuk Siaran Segera***

#### **IDEAS Terbit Laporan Baharu demi Mendorong Reformasi Pendidikan Terangkum untuk Anak-Anak Orang Asli**

**Kuala Lumpur, 23 April 2025:** Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), dengan sokongan Yayasan Sime Darby (YSD), telah melancarkan sebuah laporan baharu hasil pelaksanaan projek rintis yang memfokuskan kepada Pendidikan Terangkum untuk Orang Asli. Laporan ini menawarkan pandangan baharu, mengangkat suara Orang Asli, dan mencadangkan sokongan kepada penyelesaian bersadurkan budaya untuk menangani ketidaksamaan pendidikan yang sekian lama wujud dalam kalangan komuniti Orang Asli di Malaysia melalui tiga komponen utama.

#### **Komponen-komponen tersebut ialah:**

- Aktivis di Lapangan: Pemetaan Pemegang Taruh Pendidikan Orang Asli
- Suara dari Lapangan: Ke Arah Pendidikan Berasaskan Kekuatan dan Peka Budaya untuk Kanak-Kanak Orang Asli
- Teladan dari Lapangan: Penelitian Pelaksanaan Program Pendidikan Orang Asli

“Pelancaran laporan ini bukan sekadar penutup kepada satu kajian yang penting, tetapi titik mula kepada iltizam baharu demi memastikan tiada anak Orang Asli yang terus tercicir daripada arus pendidikan negara. Kajian ini turut menyerlahkan keperluan mendesak untuk merapatkan jurang antara dasar negara dan realiti pelaksanaan di lapangan. Semua pihak—kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat sivil—perlu berganding bahu, mendengar dengan lebih teliti suara komuniti, dan bertindak secara tuntas serta berkesan,” kata Y.A.M. Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja’afar, Penggerusi YSD.

Saranan utama daripada laporan ini termasuk merangka semula naratif pendidikan supaya menumpukan kepada kekuatan, budaya, dan nilai anak-anak Orang Asli, serta memastikan komuniti, khususnya ibu bapa, terlibat secara aktif dalam membentuk dan melaksanakan dasar pendidikan. Selain itu, laporan ini turut menekankan kepentingan mewujudkan kerjasama jangka panjang antara semua pemegang taruh, termasuk kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil dan komuniti Orang Asli sendiri, sambil menangani halangan sistemik seperti isu pengangkutan, cabaran sosioekonomi, dan capaian kepada perkhidmatan asas seperti air bersih.

Projek Pendidikan Terangkum untuk Orang Asli ini dijalankan selama lebih lima tahun sejak November 2020 dan berasaskan pendekatan mengutamakan komuniti yang mendalam. Ia dimulakan dengan penilaian keperluan pemegang taruh secara menyeluruh dan berkembang menjadi program rintis yang direka bentuk untuk dilaksanakan bersama komuniti. Para pelaksana projek bekerjasama rapat dengan tokoh tempatan seperti Tok Batin dan ibu bapa bagi memastikan setiap intervensi berdasarkan kepercayaan, hubung kait budaya, dan pemilikan bersama.

“Projek ini mencerminkan komitmen IDEAS untuk memastikan pendidikan terangkum bukan sekadar satu istilah dasar, tetapi satu pengalaman sebenar untuk semua kanak-kanak, termasuk mereka daripada komuniti yang telah lama terpinggir. Dengan mendengar dan bekerjasama dengan suara Orang Asli, kami mengambil langkah penting untuk membayangkan semula pendidikan yang adil, berasaskan konteks tempatan, dan bersedia menghadapi masa hadapan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Aira Azhari.

Kajian ini turut menggunakan kaedah penyelidikan melibatkan penyertaan Orang Asli seperti kaedah ‘suara melalui gambar’ (*photovoice*) dan ‘perkongsian berkelompok’ (*sharing circles*) untuk membolehkan pelajar dan ibu bapa Orang Asli menyuarakan pandangan mereka. “Di Malaysia, kaedah penyelidikan berteraskan komuniti Orang Asli masih terhad, dan kami berharap untuk mengembangkan kaedah ini supaya suara Orang Asli dimasukkan dalam perancangan dan intervensi yang paling memberi kesan kepada mereka,” terang Dr Suria Angit, Felo Kanan IDEAS dan penyelidik utama projek ini.

“Walaupun laporan *Aktivis di Lapangan* mengiktiraf bahawa dasar pendidikan telah beralih ke arah intervensi yang lebih bersasar untuk kanak-kanak Orang Asli, laporan *Suara dari Lapangan* mendapati masih wujud keperluan untuk penyelaras dan sokongan yang lebih kukuh di peringkat akar umbi bagi meningkatkan keterangkuman, terutamanya dalam konteks komunikasi antara para pendidik dan ibu bapa,” tambah Dr Suria.

IDEAS berharap pandangan yang dikongsi melalui penerbitan ini dapat menjadi sumber penting buat para penggubal dasar, penyumbang dana, pendidik, dan organisasi akar umbi dalam merealisasikan impian pendidikan terangkum, adil, dan berpaksikan komuniti untuk semua.

Layari laman web kami untuk memuat turun laporan-laporan ini. (Pautan dibawah)

- [Actors On The Ground](#)
- [Voices On The Ground](#)
- [Lessons On The Ground](#)

[TAMAT]

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

[ryannesh@ideas.org.my](mailto:ryannesh@ideas.org.my)

## Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my)

## Mengenai Yayasan Sime Darby (YSD)

Yayasan Sime Darby merupakan sebuah yayasan korporat yang disokong oleh Sime Darby Berhad, SD Guthrie Berhad dan Sime Darby Property Berhad. Ditubuhkan pada tahun 1982, yayasan ini memberi tumpuan kepada lima teras utama iaitu Pendidikan, Alam Sekitar, Komuniti & Kesihatan, Sukan, dan Seni & Budaya. Di bawah pimpinan Majlis Tadbir Urus, yayasan ini diuruskan oleh pasukan yang berdedikasi dan bekerjasama rapat dengan ketiga-tiga syarikat penderma YSD dalam pelbagai bidang yang menjadi kepentingan bersama. Sejak penubuhannya, yayasan ini telah melebarkan sayapnya daripada menawarkan biasiswa kepada individu yang cemerlang dan berkelayakan, kepada membiayai pelbagai program pemuliharaan alam, pemerkasaan komuniti, dan pembangunan yang berimpak tinggi. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.yayasansimedarby.com](http://www.yayasansimedarby.com)